

# **SEMBAHYANG KHAS SEMPENA HARI ULANG TAHUN TUDM KE 61 DI GEREJA SACRED HEART, JALAN PEEL, KUALA LUMPUR**

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5095-sembahyang-khas-sempena-hari-ulang-tahun-tudm-ke-61-di-gereja-sacred-heart-jalan-peel-kuala-lumpur](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5095-sembahyang-khas-sempena-hari-ulang-tahun-tudm-ke-61-di-gereja-sacred-heart-jalan-peel-kuala-lumpur)

KUALA LUMPUR, 16 Jun 19 - Brig Jen Dato' Johnny Loh Kok Kong TUDM, Timbalan AKS P&P berserta 114 anggota Kristian TUDM, 49 Veteran Kristian TUDM dan ahli keluarga telah menghadiri Sembahyang Khas sempena Hari Ulang Tahun TUDM yang ke 61 di Gereja Sacred Heart, Jalan Peel, Kuala Lumpur. Sembahyang Khas tersebut telah disempurnakan oleh Archbishop Julian Leow, Archbishop of Kuala Lumpur Archdiocese.

Anggota beragama Kristian TUDM dan keluarga yang terlibat adalah dari beberapa Pangkalan Udara di Semenanjung Malaysia. Selepas Sembahyang Khas tersebut, semua hadirin telah diraikan dengan jamuan makan tengah hari. Satu pameran khas juga telah diadakan dengan kerjasama pihak Sekretariat TUDM, Muzium TUDM dan Persatuan Scale Modellers Malaysia yang mempamerkan model-model pesawat TUDM.

Pameran tersebut telah mendapat sambutan yang sangat baik dari warga Gereja Sacred Heart. Selain dari meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap fungsi dan kepentingan TUDM kepada negara, pameran tersebut juga telah berjaya mengerat serta memperkuuh hubungan TUDM dengan masyarakat setempat.



